

BAB 5

KESIMPULAN: KESAN-KESAN PENINGKATAN PERADABAN MENERUSI BAHASA JEPUN

Peningkatan peradaban negara Jepun didorong oleh pelbagai aspek dan dorongan yang dilakukan oleh bahasa Jepun memang tidak dapat dinafikan. Daripada dorongan ini bahasa Jepun telah menunjukkan kesan-kesan yang positif terhadap peningkatan peradaban negara Jepun.

5.1. Kesan Peningkatan Peradaban Jepun Melalui Bahasa

5.1.1. Bahasa Membentuk Jati Diri Orang Jepun

Bahasa Jepun merupakan salah satu daripada elemen-elemen penting yang membantu meningkatkan peradaban negara Jepun. Bahasa Jepun telah memainkan peranan yang utama dalam proses pemodenan yang dijalankan pada zaman pemerintahan Meiji. Penubuhan Kementerian Pendidikan (*Monbusho*) telah berjaya menyelaraskan

penggunaan bahasa kebangsaan dengan berkesan di semua peringkat pengajian rendah dan tinggi walaupun pada ketika itu penggunaan bahasa-bahasa asing meningkat.

"The unbroken continuity of Japan's Imperial line, the homogeneity of her population, her linguistic and cultural unity, the 250 years of isolation during the Tokugawa period, the rapid diffusion of ideas and values in a country of small size, have understandably imparted to the Japanese a sense of their distinctiveness which at times is magnified into a sense of uniqueness".

(Najmul Saqib Khan, 1993: 137~138)

Dapat dilihat bahawa faktor kesatuan bahasa dan budaya telah menjadikan orang-orang Jepun sebagai satu bangsa yang mempunyai jati diri yang kental melalui kewenangan penggunaan bahasa kebangsaan yang dipelopori pada zaman Meiji. Fenomena jati diri ini adalah kesan daripada sistem pendidikan yang sistematik melalui penggunaan bahasa Jepun. Kanak-kanak Jepun sejak kecil lagi telah didedahkan tentang kepentingan sifat-sifat baik yang dapat dilihat dari aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh orang Jepun di dalam kehidupan seharian mereka. Di antara fenomena jati diri yang dimiliki oleh orang Jepun adalah:- a) berilmu, b) kesetiaan dan ketaatan, c) gigih berusaha dan rajin, d) bermuafakat dalam membuat keputusan, e) patriotisme dan nasionalisme, f) tolak ansur dan bekerjasama, disiplin dalam kehidupan, jimat cermat, dan bersifat kemasyarakatan.

5.1.1.1. Berilmu

Orang Jepun sangat mempercayai bahawa pendidikan adalah sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia kerana pendidikan akan menjana sesebuah masyarakat itu berilmu dan sempurna melalui bahasa yang dipelajarinya. Kepercayaan ini telah memacu mereka ke hadapan di dalam usaha memodenkan negara melalui semangat dedikasi sepanjang hayat bagi mencapai kualiti kehidupan yang positif. Kualiti kehidupan yang positif melalui pendidikan. Ini dipersetujui oleh Robert Smith (dalam Najmul Saqib Khan, 1993:135) yang menyatakan:

".... Most Japanese take quite the same view, but I would suggest that in this world a considerable advantage accrues to people who constantly assess their shortcomings and deeply believe that at the very least life could be better, if not for one's self, then for one's children".

Dalam misi permodenan yang dijalankan oleh pemerintahan Meiji untuk mencapai taraf negara moden melalui proses pendidikan telah diperhebatkan agar masyarakat dapat menyerap segala ilmu moden dari luar. Lantas institusi pendidikan seperti sekolah rendah, sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi telah banyak ditubuhkan.

Pada tahun 1905 kemasukan pelajar lelaki dan perempuan ke sekolah rendah di negara Jepun telah mejangkau kepada 90 peratus dan pada 1907 pendidikan wajid sekolah rendah telah dipanjangkan daripada empat tahun ke enam tahun. Manakala pada tahun 1930 peratusan kemasukan ke sekolah menengah bagi pelajar lelaki adalah 21%

dan 16% bagi pelajar perempuan. Pada tahun yang sama bilangan universiti di negara Jepun telah meningkat kepada 24 buah yang memberi pendidikan kepada 40,725 pelajar lelaki dan 52 pelajar perempuan. (Byron K. Marshall, 1994 : 93, 94, 98).

5.1.1.2. Kesetiaan dan Ketaatan

Semangat kekitaan di dalam sistem pekerjaan sepanjang hayat yang diamalkan oleh pekerja Jepun telah melahirkan sifat kesetiaan dan ketaatan kepada syarikat atau institusi di mana mereka bekerja. Kedua-dua sifat ini bukan sesuatu yang dipaksa tetapi ianya adalah sesuatu yang diutamakan untuk membentuk suasana industri yang aman dan keadaan sosial yang harmoni demi untuk meningkatkan keberkesanan dan kesamarataan dalam pekerjaan.

" Misalnya, dikalangan para pekerja syarikat, satu perasaan pengenalan yang kuat dengan syarikat dan penyesuaian kepada matlamat-matlamatnya diiringi oleh satu perasaan persaingan luaran dan juga dalaman dengan syarikat lain dari segi kesetiaan kepada syarikat mereka sendiri".

(Takeshi Ishida (*dlm.Kumpulan Esei World Executive's Digest*).1988:6)

Kedua-dua sifat ini dapat dicontohi melalui sistem kenaikan pangkat di mana sistem senioriti di dalam pekerjaan (*seniority wage system*) diutamakan . Ini dianggap adil dan betul oleh pekerja Jepun demi untuk mengelakkan pecakaran dan kemusnahan semangat berpasukan ekoran daripada persaingan yang tidak sihat di tempat kerja. Oleh kerana itu semua pekerja akan setia dan taat kepada majikan mereka kerana siapa yang

telah berkhidmat lama akan menikmati gaji yang lumayan kerana telah bertungkus lumus memajukan dan menguntungkan syarikat sehubungan dengan itu, seseorang pekerja baru akan mendapat gaji yang sepatutnya.

Kesetiaan dan ketaatan yang dimiliki oleh pekerja Jepun ini dapat dilihat dalam sistem pekerjaan sepanjang hayat (*lifetime employment*), sistem senioriti pekerjaan (*seniority wage system*) dan kenaikan pangkat mengikut lama kerja (*seniority based promotion*). Pekerja semua peringkat umur menganggap kesetiaan dan ketaatan ini adalah sesuatu yang perlu dan adil untuk membentuk asas perhubungan di antara majikan dan pekerja.

Amalan kekeluargaan dalam industri Jepun telah menimbulkan kesetiaan pekerja, sebagaimana yang berlaku di Jepun, maka pelaburan majikan terhadap latihan semasa kerja akan diperoleh dalam jangka masa yang panjang. Tanpa kesetiaan seperti itu, pekerja yang dilatih di sebuah firma akan berhijrah ke jawatan yang bergaji tinggi di firma lain; pihak pengurusan terpaksa membeli buruh “yang sudah bersedia” dan kos latihan ditanggung oleh sebuah firma, manakala faedahnya diperoleh oleh firma lain.

5.1.1.3. Gigih Berusaha dan Menepati Waktu

Satu fakta yang tidak dapat dinafikan mengenai orang Jepun ialah semangat atau sifat gigih berusaha dan rajin dalam menjalankan apa-apa tugas yang diamanahkan kepada mereka. Mengikut konsep Confucianisme yang dianuti oleh orang Jepun bahawa

melakukan sebarang pekerjaan itu dengan baik adalah seperti ibadat. Jikalau seseorang itu dipertanggungjawabkan untuk melakukan sesuatu tugas ia mestilah melakukannya dengan penuh teliti dan tepat pada waktunya.

Sifat gigih berusaha ini telah dilatih sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Kanak-kanak Jepun diajar bersaing dalam meningkatkan pelajaran. Perjuangan bersendirian ini memakan waktu yang lama sebelum seseorang itu mengetahui bagaimana sempurna persediaanya untuk memasuki sebuah universiti yang terkemuka. Lebih terkemuka sesebuah universiti itu, lebih tinggilah penghormatan yang diberikan oleh masyarakat dan lebih eratlah ikatan di antara semua pelajar yang belajar di universiti yang sama.

Tekanan yang berterusan ketika perkembangan usia ini memberi kesan kepada perkembangan perwatakan seseorang. Selain daripada bersaing dan berusaha sendiri, kanak-kanak ini belajar apa yang mungkin paling penting iaitu bagaimana berusaha untuk mencapai pilihan yang terbaik.

"Falsafah kerja keras, bersifat agresif, dan berdikari yang ditanam di dalam fikiran kanak-kanak dari peringkat muda lagi ini tidak dapat dinafikan adalah satu faktor penting dalam membentuk manusia dalam perniagaan Jepun, yang sentiasa mencari dan merebut peluang ekonomi".

(Kumpulan Esei World Executive's Digest.1988:11)

Oleh kerana masyarakat Jepun mengamalkan bentuk organisasi secara keluarga ini memberi kesan kepada arah dan tumpuan usaha seseorang. Setiap anggota sesuatu kumpulan sosial berusaha memperbaiki kebajikan kumpulannya, kerana usaha demikian

menambah kebajikannya sendiri di bawah tradisi saling mengambil berat dan berkongsi faedah. Kumpulan-kumpulan sosial adalah lebih bermotivasi untuk bersaing dengan lebih gigih antara satu sama lain kerana asas kumpulan memberikan sokongan dan keselamatan.

5.1.1.4. Bermuafakat Dalam Membuat Keputusan

Sikap mengambil berat orang Jepun terhadap perasaan kepunyaan berkait rapat dengan kecenderungan ke arah kolektisme, yang dinyatakan melalui pengenalan individu dengan matlamat kolektif melibatkan kerjasama dan perpaduan, dan keinginan sentimental untuk berasa mesra dalam perasaan kesatuan dengan anggota sesuatu kumpulan dikongsi secara meluas oleh orang Jepun. Kolektisme yang memberi penekanan kepada keharmonian dan musyawarah, mewujudkan tekanan untuk mengikuti norma kumpulan dan tekanan bukan untuk menjadi seperti orang lain.

Proses membuat keputusan ini dikenali sebagai '*nemawashi*' iaitu satu amalan berunding secara meluas dan membina musyawarah. Orang bawahan digalakkan untuk menyatakan pendapat dan idea mereka. Pengurus peringkat pertengahan memainkan peranan penting dalam membaiki idea yang dikemukakan oleh orang bawahan dan menyampaikan saranan mereka kepada pengurusan atasan. Dengan cara ini idea mengalir dari bawah ke atas dan bukan dari atas ke bawah. Sesiapa sahaja yang terlibat dalam membuat keputusan dirundingkan, dan satu musyawarah dicapai sebelum keputusan itu dilaksanakan.

Pendekatan ini tentunya mengambil masa, tetapi apabila sesuatu keputusan dibuat, pelaksanannya adalah cukup tepat dan berkesan. Oleh kerana setiap orang telah dirundingkan sebelumnya, sesuatu keputusan tidak akan dihalang atau dikhianati oleh mereka yang tidak berpeluang menyatakan pandangan yang bertentangan.

5.1.1.5. Patriotisme dan Nasionalisme

Mentaliti kepulauan yang dimiliki oleh orang Jepun adalah salah satu nilai kenegaraan yang dapat membentuk semangat patriotik dan nasionalisme. Dengan kawasan yang terhad, bentuk bumi yang bergunung ganang, bencana alam serta komposisi penduduk yang *homogenous* telah memungkinkan orang Jepun mempunyai sifat patriotik terhadap negara mereka.

Lebih-lebih lagi cara kehidupan para *samurai* telah menjadi ikutan oleh orang-orang Jepun di zaman Shogun yang menekankan kepada ketaatan kepada ‘*tuan*’ dan negara. Selepas Pemulihan Meiji semangat patriotisme dan nasionalisme ini diberi penekanan kepada ketaatan kepada institusi maharaja kerana patriotisme bermakna taat kepada institusi imperial (*Imperial House*) dan ketaatan kepada maharaja adalah satu cara menunjukkan sifat bertanggungjawab anak-anak kepada negara. (Byron K. Marshall, 1994:133). Dikri Imperial Pendidikan (1890) telah mengariskan perlakuan yang perlu ditunjukkan oleh rakyat Jepun terhadap negara, pendidikan, bersifat mulia, rajin, harmoni, mematuhi undang-undang, semangat patriotik dan nasionalisme serta menjadi rakyat patuh kepada maharaja (Byron K. Marshall, 1994:59). Oleh yang demikian semangat

patriotik terhadap maharaja diucapkan bersama-sama apabila dikri ini dibaca oleh pengetua atau sesiapa yang bertanggungjawab semasa acara rasmi di sekolah untuk menghormati institusi maharaja demi untuk melahirkan semangat patriotisme dan moral nasionalis kepada khalayak.

Pihak Kementerian Pendidikan Jepun telah mengarahkan semakan semula semua buku teks yang digunakan di sekolah rendah supaya menekankan lagi tentang semangat patriotisme dan kekeluargaan dalam isi kandungan buku-buku tersebut. Begitu juga pihak universiti telah diarahkan untuk menjalankan aktiviti supaya pelajar-pelajar univresiti dapat dipupuk semangat menghormati negara seperti dalam Ordinan Universiti tahun 1918. Semasa menjadi Menteri Pendidikan di zaman Imperialisme Jepun, Araki Sadao telah bermesyuarat dengan semua presiden universiti imperial di mana beliau telah mengarahkan pihak universiti perlu “menggerakkan semangat cintakan negara menerusi disiplin kendiri dan menilai diri sendiri”.

Aktiviti Imperialisme Jepun ini mendapat tentangan daripada dalam dan luar negara. Jadi untuk meleraikan tentangan ini, kerajaan telah menjalankan kempen mobilisasi spiritual dengan menjelaskan prinsip-prinsip patriotisme dan moral nasionalis. Dengan cara ini kerajaan berharap pihak guru, pelajar universiti dan pensyarah dapat memahami konsep pemerintahan negara (*Kokutai*) dan mengamalkan semula nilai-nilai moral yang terkandung dalam Dikri Imperial Pendidikan. Tentangan-tentangan daripada pihak radikal ini dapat dibendung dengan tertubuhnya Institut Penyelidikan Kebangsaan Spirit dan Budaya (*National Spirit and Culture Research Institute*). Hasilnya, dalam

tahun 1930 an gelombang nasionalisme di kalangan pemuda pemudi Jepun telah meliputi seluruh negara Jepun. Golongan ini membantah tentang dari luar berkaitan dengan dasar imperialisasi terhadap Manchuria (Byron K. Marshall, 1994:132).

Semasa Nakasone Yasuhiro menjadi Perdana Menteri Jepun pada tahun 1982 telah menyatakan bahawa;

“My interpretation of (1947) Fundamental Law of Education....is that patriotism and filial piety must be taught as the goal of education”.

(Byron K. Marshall, 1994:218)

Pada pendapat beliau satu-satunya institusi yang boleh mempromosikan semangat patriotisme dan sifat bertanggungjawab anak-anak kepada ibubapa dan negara adalah institusi persekolahan. Oleh yang demikian matapelajaran moral dan patriotisme sangat diberi penekanan oleh pemimpin negara Jepun agar dapat membina rakyat negara Jepun yang sayangkan negara mereka sendiri.

5.1.1.6. Sifat-Sifat Terbaik

Memang tidak dapat dinafikan bahawa orang Jepun juga memiliki sifat-sifat yang baik yang diamalkan di dalam kehidupan mereka seharian. Di antaranya ialah sifat tolak ansur dan bekerjasama, disiplin dalam kehidupan, jimat cermat dalam perbelanjaan, menepati waktu dan mempunyai kesedaran terhadap masyarakat di sekeliling mereka. Sebab itulah, masyarakat Jepun dijadikan contoh oleh masyarakat lain untuk mempelajari

cara hidup mereka yang berdisiplin dan gigih telah membawa kejayaan kepada negara secara keseluruhannya. Bermula daripada mengenal huruf dan menyebarluaskan bahasa mereka sehingga dipelajari oleh penduduk di seluruh dunia telah menampakkan bahawa pembentukan jati diri orang Jepun telah diasaskan menerusi pendidikan dan bahasa Jepun.

5.1.2. Bahasa Membentuk Bangsa Jepun yang Berjaya dalam Bidang Politik, Sosial dan Ekonomi, Pendidikan, dan Sastera serta Budaya

Negara Jepun adalah di antara negara yang mempunyai kadar celik huruf yang paling tinggi di dunia. Ini berpunca daripada budaya orang-orang Jepun yang suka membaca .Menurut budaya orang Jepun membaca merupakan satu keperluan untuk menimba pelbagai ilmu yang ada. Bertitik-tolak dari situasi inilah maka pelbagai bidang ilmu yang berkaitan dengan kehidupan banyak di tulis di dalam bahasa Jepun sendiri meliputi bidang politik, sosial, ekonomi, pendidikan, kesusasteraan dan sebagainya. Mengikut Perdana Menteri Jepun (1982), Nakasone Yasuhiro, asas kepada kejayaan penggunaan bahasa Jepun ini adalah menerusi sistem pendidikan yang mantap mengikut keunikan, sejarah, cuaca dan keadaan sosial sesebuah negara (Byron K. Marshall, 1994:218). Sistem pendidikan yang sistematik dan mantap ini telah menjadikan bangsa Jepun sebagai bangsa yang berjaya sehingga sekarang ini.

Pengajaran bahasa kebangsaan Jepun (*kokugo*) mengambil lebih banyak masa daripada mana-mana subjek yang diajar di sekolah rendah dalam pendidikan wajib selama 9 tahun iaitu sebanyak 1987 waktu berbanding matematik (1496 waktu) , sains

sosial (943 waktu) dan sains sebanyak 908 waktu (Elaine Gerbert dlm. Edward R. Beauchamp, 1998:98). Mengikut prosidur Kementerian Pendidikan Jepun pelajar diwajibkan belajar sebanyak 2000 sinogram (tulisan cina – *kanji*) sehingga peringkat sekolah menengah rendah (*junior high school*) di samping mempelajari 3 tulisan lain iaitu *hiragana* sebanyak 46 huruf (huruf Jepun), *katakana* sebanyak 46 huruf (huruf untuk bahasa pinjaman) dan *romaji* (huruf alphabet) di sekolah rendah. Manakala di sekolah menengah atas pula tumpuan diberikan kepada pembacaan sastera moden (*gendaibun*) dan klasik (*koten dan kambun*). Untuk memastikan semua buku teks mematuhi garis panduan mengenai stail dan isi kandungan, ianya perlu disahkan oleh Kementerian Pendidikan. Ini dilakukan menerusi memperlihatkan sikap ‘kejepunian’ melalui pengucapan kendiri (*self-expression*), sifat (*nature*), diri sendiri kepada alam semesta dan kepada masa lampau atau dengan kata lain, ia merupakan satu tapak untuk melahirkan asas psikologi dalam pendidikan untuk mencapai kecemerlangan (Elaine Gerbert dlm. Edward R. Beauchamp, 1998:99).

Selepas zaman Pendudukan Tentera Berikat (*Allied Occupation*) polisi-polisi yang berkenaan dengan bahasa banyak diperbahaskan terutamanya tentang polisi terhadap tulisan. Polisi-polisi tentang bahasa dan tulisan ini banyak mempengaruhi politik, ekonomi, pendidikan dan sastera Jepun demi untuk menjadikan bahasa Jepun satu bahasa yang sistematik dan mantap seiring dengan kemajuan negara.

5.1.2.1. Bidang Politik

Kesan daripada perubahan pendirian intelektual dan strategi politik sejak berakhirnya zaman pendudukan, Kementerian Pendidikan Jepun pada 1966 telah meminta Majlis Kebangsaan Bahasa Jepun (*Japan's National Language Council*) untuk menyemak semula pembaharuan-pembaharuan terhadap polisi bahasa. Majlis tersebut telah bentindak dengan mengenakan pembatasan untuk mengawal dan memastikan penggunaan 5000-6000 sinogram (kanji) pada zaman sebelum perang terdapat 1945 sinogram sahaja seperti terkandung di dalam Senarai Tulisan Kanji Untuk Kegunaan Umum 1981 (*1981 List of Characters for General Use*) untuk digunakan dalam teks kerajaan dan pendidikan sebagai panduan (Edward R. Beauchamp, 1998:72). Pembatasan penggunaan sinogram ini telah membolehkan seluruh rakyat memahami bahasa tulisan dengan senang. Dengan memudahkan sistem tulisan ini telah memainkan peranan penting dalam memberikan peluang kepada rakyat biasa menimba ilmu.

Pembaharuan terhadap bahasa tulisan ini diumumkan melalui dua bentuk iaitu: (a) dikri kabinet (*kunrei*) yang berupa arahan daripada pihak atasan kerajaan kepada jabatan-jabatan di bawahnya supaya mengikut segala pembaharuan tentang bahasa tulisan ini di dalam menjalankan pentadbiran dan (b) notis atau bulletin (*kokufuji*) yang dikeluarkan oleh pihak kabinet yang menjelaskan bahawa penggunaannya tidak diwajibkan ke atas orang ramai. Walaupun terdapat kritikan terhadap pembaharuan ini tetapi iaanya dijalankan demi untuk meningkatkan keberkesanannya di peringkat persekolahan. Pada Disember 1948, Institut Penyelidikan Bahasa Kebangsaan (*National Language Research Institute*) telah

:

ditubuhkan sebagai sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Jepun yang menjalankan kajian saintifik dalam semua aspek bahasa Jepun dan berfungsi sebagai pihak yang membekalkan maklumat tentang segala aspek bahasa apabila sesuatu polisi hendak diperbahaskan oleh Majlis Kebangsaan Bahasa Jepun. Dengan demikian segala aspek pembaharuan yang hendak dijalankan oleh pihak institut perlu menjalankan kajian secara saintifik untuk menentukan samada sebarang pembaharuan terhadap bahasa itu sesuatu yang praktikal untuk diterima dalam masyarakat atau pun tidak. Hasil kajian tersebut akan dikemukakan kepada pihak majlis untuk diusulkan kepada pihak kementerian. Proses yang teratur dan sistematik ini telah telah menjamin kemantapan bahasa Jepun sehingga dapat menyalurkan maklumat-maklumat di dalam pelbagai bidang ilmu.

Di antara tahun 1966 sehingga tahun 1968, sebuah Ahli Jawatankuasa Kecil Berkenaan Masalah Bahasa telah menjalankan pelbagai kajian mengenai bahasa untuk memperbaiki lagi bahasa Jepun. Menteri Pendidikan Jepun (1966), Nakamura Umekichi, menyatakan kepada pihak majlis bahawa sistem 3 tulisan dalam penulisan bahasa Jepun mesti dipatuhi. Beliau telah mencadangkan perubahan terhadap (i) peraturan tentang pembatasan sinogram (*kanji*) perlu dilonggarkan, (ii) penggunaan sinogram lama dianggap sebagai suatu norma, (iii) sistem ejaan *kana* klasik mesti dihormati, (iv) penggunaan *okurigana* (bahagian perkataan yang ditulis dengan hiragana) dikurangkan dan bacaan *on* (bacaan cina pada sinogram) ditingkatkan, (v) surat rasmi hendaklah ditulis secara menegak, (vi) apabila ada kemungkinan untuk menggunakan kedua-dua perkataan pinjaman dan perkataan Jepun-China (Sino-Japanese) yang ditulis separuh

dalam tulisan kana dan separuh dalam sinogram perlu diperbetulkan selaras dengan pembatasan penggunaan sinogram, (vii) penggunaan bahasa sopan perlu digalakan. Semua arahan dan pengumuman daripada pihak kabinet tentang perubahan yang lalu perlu disemak tentang pemakaianya supaya sesuai dengan cadangan di atas.

Kajian-kajian dan perubahan-perubahan yang berlaku terhadap bahasa di negara Jepun adalah bertujuan untuk memastikan bahasa Jepun itu dapat memikul tanggungjawab yang setara dengan kemajuan terkini di dalam era globalisasi ini.

5.1.2.2. Bidang Sosial dan Ekonomi

Penggunaan tulisan kanji yang tidak terbatas memberi kesan yang negatif kepada pembangunan dan perkembangan bahasa Jepun. Oleh yang demikian terdapat banyak suara yang menginginkan penggunaan kanji dibataskan. Pendapat ini disuarakan dengan tegasnya oleh seorang novelis dan pengiat bahasa, Yamamoto Yuzo yang menyatakan bahawa penggunaan kanji yang tidak ada batasnya menyebabkan kesukaran kepada pekerja-pekerja kilang dan beliau menegaskan lagi bahawa negara Jepun tidak akan menjadi negara yang demokrasi selagi kerajaan tidak menyelesaikan masalah bahasa ini (Edward R. Beauchamp,1998:76). Pendapat Yamamoto ini disokong oleh Matsusaka Tadanori yang menyatakan, “*As long as Japan aimed at democratic society, Matsusaka argued, language policy must take as its target what could be realistically expected of an average citizen*” (Edward R. Beauchamp,1998:77).

Pada tahun-tahun 40 an dan 50 an terdapat peningkatan kelas menengah di dalam masyarakat Jepun yang telah menyebabkan kerajaan Jepun terpaksa melakukan reformasi terhadap polisi bahasa. Polisi ini di antara lainnya menguatkuaskan pembatasan penggunaan tulisan kanji yang menggunakan kanji-kanji yang difahami oleh kebanyakan rakyat Jepun terutamanya di golongan menengah dan rakyat bawahan. Dengan pembatasan ini semua golongan rakyat Jepun menulis, membaca dan bertutur dengan tulisan dan bahasa Jepun yang sama. Ini juga telah meningkat kefahaman terhadap komunikasi di antara ahli-ahli masyarakat, majikan dan pekerja serta kerajaan dan rakyat.

Ekoran daripada bertambah luasnya kelas masyarakat yang boleh membaca maka aktiviti-aktiviti percetakan ataupun penerbitan buku-buku, majalah, akhbar, novel, iklan, komik dan lain-lain hasil pencetakan telah mengakibatkan kepesatan pembinaan syarikat-syarikat penerbitan. Syarikat-syarikat penerbitan ini telah menghadkan penggunaan kanji dalam penerbitan mereka. Ini adalah bertujuan untuk menyokong polisi bahasa yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Walaupun di pihak penulis terdapatnya rungutan terhadap dasar kerajaan ini tetapi mereka mempunyai pilihan untuk tidak menulis sekiranya mereka tidak bersetuju dengan polisi bahasa ini Pada masa yang sama ini juga terdapat banyak buku yang berkisar tentang bahasa Jepun diterbitkan dan yang paling terkenal ialah buku *Nihongo* (Bahasa Jepun, 1957) (Edward R. Beauchamp, 1998:82).

Kerajaan Jepun selepas perang telah memperhebatkan peningkatan ekonomi negara menerusi reformasi pembatasan penggunaan kanji terhadap pembinaan semula negara. Reformasi penggunaan tulisan *kanji* dan reformasi penggunaan *kana* telah

memberi kesan positif terhadap keadaan ekonomi negara pada ketika itu. Ini disebabkan ada terdapat kekurangankekangan terhadap halangan komunikasi di antara komuniti yang menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi. Lantaran itu reformasi kanji dan kana telah menangkis alasan pihak yang menyatakan bahawa penggunaan kanji melambatkan pertumbuhan ekonomi negara kerana mengambil terlalu banyak masa untuk memahirkannya. Justeru itu pada tahun 1970 telah memperlihatkan pertumbuhan ekonomi Jepun yang begitu memberangsangkan kesan daripada penggunaan tulisan kanji sebagai salah satu medium bahasa dan ini telah membuktikan bahawa penggunaan bahasa dengan tulisan kanji sebenarnya sangat efisyen dalam membantu kemajuan ekonomi negara Jepun (Edward R. Beauchamp, 1998:89).

Perubahan-perubahan terhadap polisi bahasa Jepun telah banyak memperbaiki penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa yang mudah difahami oleh semua golongan rakyat Jepun. Reformasi tulisan kanji dan kana telah membantu keadaan sosial dan ekonomi negara Jepun dengan merapatkan lagi komunikasi di antara individu dan masyarakat secara keseluruhannya. Keadaan ini telah juga membantu dan meningkatkan lagi peradaban negara Jepun setanding dengan peradaban Barat.

5.1.2.3. Bidang Pendidikan

Perubahan-perubahan terhadap polisi bahasa biasanya akan mengakibatkan perubahan di dalam sukanan pelajaran di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi. Pihak Kementerian Pendidikan Jepun telah memperkenalkan beberapa reformasi terhadap

sinogram (tulisan kanji) ekoran daripada cadangan Majlis Bahasa Kebangsaan Jepun. Pada tahun 1946, reformasi berkenaan telah dijalankan dengan menghadkan penggunaan sinogram kepada 1850 sinogram sahaja berbanding 5000~6000 sinogram sebelum perang. Tindakan ini bertujuan untuk mengurang beban menghafal sinogram yang terlalu banyak dan memastikan sinogram-sinogram yang benar-benar perlu sahaja digunakan dalam aktiviti harian. Reformasi seterusnya adalah berkaitan dengan bentuk sinogram di mana bentuk sinogram dipermudahkan supaya semua golongan masyarakat dapat menggunakanannya dan memilih bacaan setiap sinogram itu mengikut kebiasaan dalam penggunaan seharian dan pilihan penggunaan sinogram itu perlu mengikut konteks ayat. Ini adalah kerana sebelum ini satu perkataan boleh menggunakan sinogram yang berbeza-beza dan ini sangat mengelirukan. Dalam bahasa Jepun cara membaca sinogram (*yomikata*) terbahagi kepada dua iaitu bacaan China (*onyomi*) dan bacaan Jepun (*kunyomi*) dan kedua-dua bacaan ini telah ditetapkan untuk setiap sinogram berbanding dahulu di mana bacaan ini mengikut kehendak individu yang menulisnya. Dengan penetapan ini bacaan setiap sinogram di dalam Senarai Tulisan Kanji Untuk Kegunaan Harian diselaraskan di mana semua pihak perlu mematuhi dengan penetapan ini.

Di sekolah-sekolah, sistem pendidikan wajib telah menetapkan jumlah sinogram yang perlu diajar kepada para pelajar mengikut tahap-tahap tahun pembelajaran mereka. Penetapan terhadap reformasi bahasa ini terutamanya Senarai Tulisan Kanji Untuk Kegunaan Harian (*Toyo Kanjihyo*) dan Penggunaan Tulisan Kana Moden (*Kanazukai*) telah dikuatkuasakan dalam penerbitan surat khabar dan buku teks. Akibat daripada itu pengeluaran surat khabar bertambah efisyen dan bidang pendidikan juga menunjukkan :

keberkesanannya dalam usaha menyalurkan ilmu dengan mudah kepada pelajar (Edward R. Beauchamp, 1998:75). Menerusi penubuhan banyak sekolah dan pusat pengajian tinggi selepas perang telah memperlihatkan peningkatan jumlah pelajar yang mempelajari sukanan pelajaran yang telah direformasikan. Ini bermakna lebih ramai orang Jepun telah terbiasa dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan penggunaan bahasa Jepun. Ini secara tidak langsung telah dapat meningkatkan lagi kefahaman dan taraf literasi mereka dalam komunikasi harian. Lagi pun ada aspek-aspek tertentu dalam bahasa Jepun yang digunakan sebelum perang banyak menggunakan bahasa yang berbunga-bunga dan terlalu mementingkan keindahan lengok bahasanya telah terbukti menjadi halangan dalam pendidikan secara meluas (*mass education*) dan menyebabkan kesukaran dalam pengeluaran dokumen yang menggunakan mesin (*machine production of document*). Ini ditegaskan lagi oleh Matsusaka Tadanori (pengiat bahasa),

“ *The primary function of script and language, should not be overlooked in favor of this affective aspect*”

(Edward R. Beauchamp, 1998:88).

5.1.2.4. Bidang Sastera dan Budaya

Tidak dinafikan bahawa bahasa Jepun dan sinogram adalah suatu elemen yang penting dalam pembentukan peradaban Jepun. Ini adalah kerana sejak awal penubuhan kerajaan negara Jepun yang pertama (Yamato), sinogram telah berkembang bersama-

sama rakyat Jepun. Maka boleh dikatakan bahawa sinogram adalah khazanah budaya tradisi orang Jepun walaupun ianya adalah sesuatu yang diimport daripada negara China.

Kelebihan menggunakan sinogram daripada tulisan kana adalah seperti berikut: ia boleh difahami dengan cepat dan ringkas tanpa perlu mengejanya dengan menggunakan huruf kana, boleh memberi petunjuk makna (*visual clues*) dengan jelas dan mudah terutamanya ketika membezakan perkataan homonim (*homonyms*), dapat mencipta perkataan baru dengan mudah, dan ini akan menyumbang kepada penyerapan ilmu dengan senang dan sinogram juga dapat memperkayakan penulisan-penulisan dengan pengucapan yang indah-indah dan berbunga-bunga sebagai satu alternatif pembacaan umum yang berbentuk sastera. Ini adalah kerana para penulis mempunyai kebebasan untuk mencipta perkataan baru yang dirasakannya perlu untuk menyampaikan mesej yang tepat dan jelas dalam tulisan mereka dengan menggabungkan dua atau beberapa sinogram untuk menjadi perkataan baru yang diperlukannya itu.

Bacaan yang berbentuk sastera dahulu hanya mampu dibaca oleh golongan bangsawan sahaja kerana teks-teks sastera pada ketika itu memang menggunakan banyak sinogram yang sukar dibaca oleh rakyat biasa. Setelah penetapan pembatasan sinogram dilaksanakan maka golongan pembaca teks sastera bertambah dengan banyaknya. Keadaan ini telah membolehkan orang Jepun pada keseluruhannya dapat membaca dan menghayati khazanah budaya dan sastera mereka dengan mudah seperti mana yang dinyatakan oleh Matsusaka Tadanori berkenaan polisi bahasa,

"....language policy must take as its target what could be realistically expected of an average citizen. The language should belong to the people as a whole, and it was through this democratic form of language that higher culture must be created"

(Edward R. Beauchamp, 1998:77).

Perubahan yang berlaku terhadap sesuatu bahasa adalah suatu perkara semulajadi yang sering dialami oleh semua masyarakat. Di dalam masyarakat yang maju, campur tangan daripada pihak kerajaan dan agensi budaya dalam merangka polisi-polisi mengenai bahasa adalah sesuatu yang normal. Ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa perubahan-perubahan ini berada di landasan yang diingini dengan matlamat untuk memperbaiki budaya walaupun terdapat sedikit tentangan. Keputusan terakhir terletak di tangan ahli masyarakat itu sendiri. Keadaan ini berlaku di Jepun di mana perubahan-perubahan terhadap polisi bahasa ini mendapat reaksi yang positif daripada masyarakat dan pihak akhbar juga tidak menunggu lama untuk mengimplementasikan polisi bahasa ini dalam penerbitan mereka.

Menerusi kata pendahuluan sebuah laporan oleh Jawatankuasa Kecil Mengenai Masalah Bahasa yang bertajuk *Kokugo no Shomondai* (Masalah-masalah dalam bahasa Jepun) pihak kerajaan (*Liberal Democratic Party*) telah menegaskan bahawa laporan ini adalah suatu strategi atau garis panduan yang mestilah dirujuk di dalam menyelesaikan sebarang masalah bahasa. Laporan ini juga menyebut bahawa bahasa Jepun sejak dahulu lagi merupakan satu medium yang memperlihatkan budaya dan pemikiran orang Jepun hingga ke hari ini. Oleh itu, bahasa yang bercelaru akan mengakibatkan negara yang lemah. Walaupun bahasa Jepun mengalami banyak sekali perubahan pada zaman selepas

perang, sebenarnya bahasa Jepun itu berkembang dengan sendirinya apabila perkembangan penulisan sastera yang bermula daripada zaman Yamato lagi. Seterusnya memasuki zaman gemilang kesusastraan dan budaya di zaman Heian hingga ke hari ini. Justeru itulah maka orang Jepun berupaya menjadi bangsa yang bertamadun dengan menggunakan bahasanya sendiri. Walaupun perubahan-perubahan terhadap polisi bahasa banyak dilakukan oleh pihak kerajaan namun perubahan-perubahan tersebut tidak langsung melemahkan bahasa Jepun itu sendiri. Bahasa Jepun kini telah terbukti berjaya di dalam bidang politik, ekonomi dan sosial, pendidikan, sastera dan budaya dan dalam bidang-bidang yang lain.

5.2. Kesan Peningkatan Peradaban Jepun terhadap Negara Lain

5.2.1. Peradaban Jepun Setanding dengan Peradaban Barat

Menurut Samuel P. Huntington dalam buku *The Clash Of Civilization And The Making Of World Order* tentang negara yang telah mencapai peradaban mesti mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut;

“Civilized society differed from primitive society because it was settled, urban, and literate. To be civilized was good, to be uncivilized was bad. The concept of civilization provided a standard by which to judge societies, and during the nineteenth century, European devoted much intellectual, diplomatic, and political energy to elaborating the criteria by which non-European societies might be judged sufficiently “civilized” to be accepted as members of the European-dominated international system”.

(Samuel P. Huntington, 1994:40)

Mengikut Huntington, negara yang boleh dikatakan telah mencapai peradaban ialah apabila masyarakat sesebuah negara itu berada di dalam situasi yang aman damai,

berlaku dengan banyaknya proses perbandaran dan mempunyai taraf celik huruf yang tinggi serta berilmu. Seterusnya negara itu harus berupaya untuk meningkatkan taraf keintelektualan, diplomasi dan politik masyarakatnya supaya setanding dengan masyarakat negara-negara Eropah.

5.2.1.1. Keadaan Aman

Kriteria-kriteria yang diutarakan oleh Huntington ini boleh digunakan sebagai kajian ukur untuk melihat sejauhmana pencapaian negara Jepun melalui peningkatan peradaban yang telah dilaluinya dapat menyaingi peradaban Barat. Dalam menjelaskan kriteria pertama iaitu situasi keamanan (*settled*) kita perlu mengambil kira juga kadar jenayah yang rendah, kegiatan sosial dan budaya banyak dijalankan dan mempunyai taraf kesihatan yang baik. Negara Jepun adalah sebuah negara yang mempunyai kadar jenayah yang paling rendah sekali di dunia. Keadaan ini disebabkan oleh peningkatan peradaban yang telah dilalui oleh negara Jepun yang telah membentuk sebuah masyarakat yang bertanggongjawab dan berdisiplin. Ekoran daripada keadaan ini kegiatan-kegiatan sosial seperti menjalankan pekerjaan harian dapat dijalankan dengan aman dan lancar. Negara Jepun adalah sebuah negara yang sangat mementingkan pemeliharaan nilai-nilai budayanya. Keadaan yang aman dan bebas ini telah membantu negara Jepun menjalankan aktiviti-aktiviti budaya mereka. Malah negara Jepun juga tidak ketinggalan di dalam memperkenalkan budaya mereka keluar negara di mana teater kabuki, makanan sushi dan sukan sumo tidak asing lagi di mata masyarakat dunia. Keadaan masyarakat yang

aman damai inilah yang menjadikan negara Jepun setanding dengan negara-negara Eropah dari segi masyarakat yang beradab untuk menjamin kesejahteraan hidup.

Negara Jepun telah menikmati taraf hidup yang tinggi ekoran daripada kejayaan ekonominya beberapa abad yang lalu. Lantaran itu masyarakat Jepun kini mempunyai segala keperluan asas kehidupan yang canggih. Seperti negara-negara barat yang maju, negara Jepun mempunyai sistem pengangkutan, sistem pendidikan, sistem pentadbiran negara, sistem sosial masyarakat, sistem ekonomi dan lain-lain sistem yang efisyen setaraf malah lebih baik daripada negara-negara peradaban barat. Contohnya, taraf kesihatan negara Jepun sangat baik di mana sistem insuran kesihatan telah dapat meningkatkan lagi kadar jangka hayat orang Jepun. Jangka hayat orang Jepun adalah purata 76.4 tahun bagi kaum lelaki dan 82.2 tahun bagi orang perempuan. Kalau dibandingkan dengan jangka hayat orang Jerman adalah 73.5 tahun (lelaki) dan 79.9 tahun bagi perempuan.

5.2.1.2. Proses Perbandaran

Kriteria yang kedua ialah proses perbandaran (*urban*) banyak berlaku di sesebuah negara itu akan dianggap telah mencapai ciri-ciri peradaban. Seperti juga peradaban barat di mana banyak kotaraya-kotaraya terkenal telah dibina kerana proses perbandaran. Jumlah penduduk yang ramai dapat menampung kegiatan sosioekonomi sesebuah negara itu. Sebagai contoh seperti kotaraya London, New York, Berlin, Paris dan Rom memang sudah terkenal sebagai mercu tanda peningkatan peradaban barat. Kotaraya Tokyo

dianggap setanding dan setaraf dengan kotaraya-kotaraya seperti di atas tadi dan Tokyo juga menyediakan tapak untuk kegiatan sosioekonomi yang berkembang hebat dari masa ke masa. Segala infrastruktur yang moden dan tercanggih terdapat di Tokyo dengan bangunan pencakar langit, keretapi laju shinkansen, lebuhraya-lebuhraya yang luas, taman-taman yang indah, stadium sukan yang luas, kawasan-kawasan perniagaan, restoran, hotel dan lain-lain yang telah menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk Tokyo.

Selain daripada Tokyo kotaraya-kotaraya besar yang lain ialah seperti Sapporo, Kyoto, Osaka, Fukuoka, Sendai, Hiroshima, Nagasaki, Nagoya dan lain-lain. Proses perbandaran ini bukan sahaja terhad di bandar-bandar besar sahaja malah kini banyak bandar-bandar lain yang dinaiktarafkan sebagai bandaraya di Jepun.

5.2.1.3. Celik Huruf

Kriteria ketiga ialah proses perolehan ilmu (*literate*) dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan berpendidikan. Sekiranya mengikut statistik, negara Jepun merupakan negara yang paling tinggi peratusan pelajar meneruskan pendidikan mereka di peringkat tinggi iaitu sebanyak 72.5% manakala Amerika Syarikat- 47.6%, Jerman- 30.7% dan Perancis- 41.0%. (http://www.jinjapan.org/stat/category_16.html). Daripada statistik ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Jepun adalah masyarakat yang berpendidikan tinggi yang merupakan salah satu kriteria untuk menentukan taraf peradaban sesebuah negara. Bertitik-tolak dari situasi inilah maka peningkatan

peradabannya negara Jepun kini telah setaraf dengan negara-negara Eropah di mana ia dapat melahirkan masyarakat yang berilmu dan berpendidikan.

5.2.1.4. Keupayaan Keintelektualan

Keintelektualan (*intellectual*) sesebuah masyarakat itu juga dijadikan kriteria penting dalam menentukan proses peradaban sesebuah negara itu boleh berlaku. Keupayaan untuk menjalankan R&D (*Research & Development*) dan melahirkan daya cipta merupakan elemen penting dalam mengukur keintelektualan sesebuah negara. Negara Jepun mengeluarkan banyak perbelanjaan untuk proses R&D dan cabaran daya cipta ini. Pada tahun 2000 negara Jepun telah membelanjakan sebanyak US\$ 98,560.4 juta untuk R&D, manakala US\$ 282,292.7 juta oleh Amerika Syarikat dan Jerman sebanyak US\$ 55,386.1 juta sahaja. Manakala bilangan penyelidik pula negara Jepun mempunyai seramai 647,572 orang, 1,261,227 orang oleh Amerika Syarikat dan 257,774 orang oleh Jerman. (http://www.jinjapan.org/stat/category_16.html)

Keupayaan daya cipta sesebuah masyarakat itu juga dianggap salah satu daripada keupayaan keintelektualan yang menyumbang kepada proses peradaban sesebuah negara. R&D Jepun hingga kini telah melibatkan dirinya di dalam cara yang sesuai dengan caranya sendiri. Kejayaan R&D Jepun ini adalah kerana kerajaan Jepun dapat mencari para penyelidik yang mempunyai bakat luar biasa.

Pada hari ini Jepun mempunyai satu organisasi yang dipanggil sebagai Perbadanan Pembangunan Penyelidikan Jepun. Tugasnya ialah mencari syarikat-syarikat yang sanggup memajukan teknologi yang boleh menjamin dan membantu penyelidikan dan pembangunan dengan kerajaan membiayai kos pembangunannya. Jika kerja tersebut menguntungkan, syarikat itu dikehendaki membayar balik kos pembangunan tersebut. Projek-projek yang dibiayai oleh perbadanan tersebut mencapai kejayaan yang tinggi, barangkali sebanyak 90 peratus. Kegagalannya tidak pernah didengari (Masanori Moritani, 1989:178). Walaupun Negara Jepun telah mempelajari penyelidikan dari Amerika Syarikat dan Eropah, tetapi Jepun akan menjalankan penyelidikan mengikut caranya sendiri. Ini adalah untuk mengekalkan mutu dan tatasusila serta identiti masayarakat Jepun.

5.2.1.5. Hubungan diplomatik

Dari segi hubungan diplomatik (*diplomatic*) pula cara hubungan diplomatik boleh dilakukan melalui dua cara iaitu pertama, keupayaan menyalurkan bantuan dari segi kewangan dan kepakaran dan kedua, perhubungan antarabangsa yang dijalinkan oleh negara Jepun melalui pertubuhan dan institusi antarabangsa. Ekoran daripada kejayaan ekonominya, negara Jepun merupakan penyumbang yang kedua terbesar kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di belakang Amerika Syarikat. Pada tahun 2002, Jepun menyumbang sebanyak 19.669% daripada keseluruhan sumbangan yang diterima oleh PBB. Amerika syarikat menyumbang sebanyak 22.0%, Jerman sebanyak 9.845%,

Perancis sebanyak 6.516% dan Britain sebanyak 5.579%. Peratusan ini adalah berdasarkan kepada kekuatan ekonomi sesebuah negara itu.

Dalam perhubungan antarabangsa negara Jepun menyokong masayarakat global yang selamat dan makmur. Berhubungan dengan pekara di atas itu Jepun telah merangka 5 polisi yang melaksanakan tujuan tersebut. Jepun mengamalkan polisi menyelesaikan perbalahan kawasan (regional conflicts) secara aman, mempromosikan pengurangan dan penghapusan pemilikan senjata pemusnah, menjaga dan mempertahankan perkembangan dan peningkatan ekonomi dunia, bekerjasama dengan negara membangun dan negara yang menghadapi masalah dan membantu menyelesaikan masalah dunia. Dalam usaha menjayakan polisi ini Jepun terus memperkuatkan ikatan tersebut dengan mempereratkan lagi hubungan dua hala melalui perjanjian-perjanjian persefahaman dengan Amerika Syarikat dan negara-negara Asia, menganggotai APEC (Asia Pasific Economy Cooperation), Asean (Assosiation Of South East Asian Nation), UN (United Nation), WTO (World Trade Organization) dan lain-lain.

5.2.1.6. Kestabilan Politik

Kriteria terakhir adalah kestabilan politik (*politic*). Negara Jepun memang telah lama didominasikan oleh sebuah parti politik yang kuat dan terkenal iaitu Liberal Democratic Party (LDP) yang telah memerintah negara Jepun selepas zaman perangani kecuali beberapa tahun diperintah oleh parti lain sebelum LDP berkuasa semula hingga kini. Dengan situasi politik yang stabil, kini negara Jepun sedang berusaha untuk

memulihkan keadaan ekonomi negara yang agak lembab. Walaubagaimanapun dengan kerajaan yang stabil dan usaha-usaha pemulihan dijalankan secara berterusan, keajaiban ekonomi Jepun mungkin akan menjelma semula.

Berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang diusulkan oleh Huntington, kita dapat melihat samada sesebuah negara itu telah mencapai taraf peradaban atau tidak. Negara Jepun jelas telah memenuhi kesemua kriteria yang digariskan oleh Huntington mengikut keperluan dalam peradaban barat. Oleh yang demikian negara Jepun telah melalui peningkatan peradabannya setanding dan setaraf dengan peradaban barat.

5.2.2. Menjadi Contoh Kepada Malaysia Melalui Dasar Pandang Ke Timur

Pada 8 Februari 1982, Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pelancaran Dasar Pandang Ke Timur (*Look East Policy*) di Persidangan Tahunan Ke 5 Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (*Malaysia-Japan Economic Assosiation – MAJEC*) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (*Japan-Malaysia Economic Assosiation – JAMECA*). Dasar ini telah dipersetujui dan disokong oleh kerajaan negara Jepun dan kerajaan negara Korea Selatan melalui kenyataan bersama oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir dan Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone dan Presiden Korea Selatan, Chun Doo Hwa semasa lawatan Dr. Mahathir ke Jepun dari 23~29 Januari 1983 dan 8~14 Ogos 1983 ke Korea Selatan.

5.2.2.1. Objektif Dasar Pandang Ke Timur

Tujuan dasar ini adalah untuk mempelajari cara kerja dan nilai-nilai baik daripada negara timur seperti Jepun dan Korea Selatan terutama nilai seperti disiplin, komitmen, sikap yang betul, taat kepada sesebuah organisasi, di samping mempelajari kemahiran dan teknologi moden yang telah dicapai oleh negara-negara tersebut. Perkara yang mengagumkan ialah negara Jepun dan Korea Selatan telah membuktikan bahawa mereka berupaya untuk menjadi negara industri tanpa mengorbankan nilai-nilai ketimuran. Keupayaan negara Jepun dan Korea Selatan memelihara nilai-nilai ketimuran dalam perlaksanaan aktiviti pembangunan negera mereka merupakan faktor utama memacu pertumbuhan ekonomi yang hebat dari negara yang kecil tanpa banyak bahan mentah telah menjadi negara yang ternama dalam ekonomi dan perdagangan dunia. Berkisar daripada pencapaian negara Jepun dan Korea Selatan inilah telah menjadi asas kepada objektif utama Dasar Pandang Ke Timur. Objektif utama dasar ini adalah untuk mempelajari dan menyesuaikan pengalaman kejayaan negara Jepun dan Korea Selatan kepada negara Malaysia dengan menanamkan semangat yang teguh kepada rakyat Malaysia nilai-nilai murni, cara kerja yang bersungguh-sungguh, mengamalkan pengurusan dan perniagaan berdasarkan kepada kerja keras, taat dalam pekerjaan, mempunyai ketahanan diri, sabar menghadapi cabaran, berazam untuk maju dan mempunyai inisiatif sendiri. Objektif-objektif ini adalah merupakan suatu inspirasi negara Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020

..2.2. Program dan Strategi Pelaksanaan

Dalam usaha untuk mencapai proses pemindahan teknologi, kepakaran dan etika kerja, kerajaan negara Malaysia telah menjalankan pelbagai program pendidikan dan latihan kepada rakyat Malaysia. Program-program ini boleh dibahagikan kepada 2 jenis, pertama program-program pendidikan dan latihan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia. Program tersebut ialah Program Pendidikan Akademik, Program Pendidikan Teknikal, Program Bahasa Jepun Untuk Guru Malaysia, Program Latihan Industri Dan Teknikal (*In-Plant*), Program Postgraduate Untuk Pegawai Kerajaan, Program Perkembangan Eksekutif dan Program Latihan Pengurusan Perniagaan dan Perkhidmatan di syarikat-syarikat Jepun. Program yang kedua adalah program yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan dan agensi negara Jepun iaitu seperti Biasiswa Kementerian Pendidikan, Budaya, Sains, Sukan dan Teknologi Jepun, JICA, Program Persahabatan abad ke 21, Bantuan kewangan kerajaan wilayah Jepun, Institut Latihan Perubatan Jepun dan Yayasan Pendidikan (JIMTEF), Institute of Development Advance School (IDEAS), Japan Council for Medical Training Programme (JMTCP), Japan Vocational Ability Development Assosiation (JAVADA) dan International Nursing Foundation Of Japan (INFJ).

Selain daripada program di atas penghantaran pelajar ke Jepun juga dijalankan melalui HELP 1 dan HELP 2 (*Higher Education Loan Project*). Japan Bank for International Cooperation (JBIC) telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM 473 juta untuk membiayai penerusan program Dasar Pandang Ke Timur terutama dalam bidang

pendidikan dan latihan. Pinjaman tersebut di atas adalah meliputi pelajar undergraduate dan postgraduate yang meliputi bidang pengajian seperti kejuruteraan elektrikal, kejuruteraan am, kejuruteraan electro-communication, kejuruteraan maklumat dan komputer, perggilan, perubatan, pengurusan perniagaan, sains politik, perhubungan antarabangsa dan teknologi maklumat.

Jadual 6 :Jumlah Pelajar, Pelatih dan Pegawai yang Belajar dan Berlatih di Jepun di bawah Program Dasar Pandang Ke Timur dari Tahun 1982~2001

Program	Tahun								
	1982-1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2001	Jumlah
Akademik	914	123	128	145	143	127	96	107	1738
Teknikal	487	69	71	81	94	84	56	48	995
Postgraduate	-	-	-	-	-	-	19	18	37
HELP 1&2	-	58	76	94	43	41	-	48	360
Guru Bahasa	67	17	11	10	6	-	-	-	111
In-Plant	2508	79	81	76	68	47	62	50	2971
Ekskuitif	151	28	35	42	20	42	39	40	397
Perniagaan	26	-	-	13	-	-	-	-	39
Ad-hoc	272	-	-	19	-	-	3	5	299
Monbukagakusho	464	64	52	58	54	38	42	38	810
JCMTP	21	4	3	1	-	1	1	1	32
Friendship/Youth	1642	150	150	150	150	149	150	92	2633
JAVADA	173	38	41	39	33	6	6	21	357
JICA	1373	100	100	100	100	100	147	220	2240
Jumlah	8098	730	748	828	710	641	621	688	13064

Sumber: International Conference Malaysia's Look East Policy: Challenges And Contribution.

HELP 1 yang telah dilancarkan pada Mei 1993 sehingga 2003 adalah bagi membiayai pelajar-pelajar untuk mengikuti Program Matrikulasi Pensijilan Jepun (*Japanese Matriculation Certificate Programme - JMC*) yang dijalankan di Kolej YPM. Pembiayaan ini meliputi program matrikulasi 2 tahun di YPM dan 4 tahun di Universiti

Jepun. Setakat ini seramai 310 orang pelajar telah menamatkan pengajian mereka di kolej ini.

HELP 2 yang bermula pada tahun 1999 sehingga 2008 telah melancarkan program baru yang dikenali sebagai *Japanese Associate Degree Programme* (JAD) yang merupakan program berkembang (*twinning programme*) dengan universiti-universiti di Jepun dan usahasama ini dikenali sebagai Japanese-Malaysian Consortium Universities (JMC) yang telah dimenterai pada Disember 2001.

Jadual 7: Japanese-Malaysia Consortium Universities

List of Consortium Members	List of Associate Members
Keio University	Chiba University
Kinki University	Gunma University
Meiji University	Kobe University
Musashi Institute of Technology	Kyoto University
Okayama University of Science	Kyushu University
Ritsumeikan University	Nagaoka University of Technology
Science University of Technology	Nagoya Institute
Shibaura Institute of Technology (managing JMC Universities)	Tokyo University of Agriculture and Technology
Takushoku University (managing JMC Universities)	(Newly joined associate member from 2001)
Tokai University	Hiroshima University
Tokyo Denki University	Hokkaido University
Tokyo University of Technology	Niigata University
Waseda University	Nagoya Institute of Technology
	Osaka University
	Saitama University
	Tokyo Institute of Technology
	University of Electro-Communication
	Yamaguchi University
	Yokohama National University

Sumber: International Conference Malaysia's Look East Policy: Challenges And Contribution.

Jadual di atas menunjukkan bilangan universiti di Jepun yang menjadi ahli dalam Japanese-Malaysian Consortium Universities iaitu pada mula sebanyak 13 universiti sahaja tetapi bilangan ini bertambah dengan kemasukan beberapa buah universiti sebagai ahli gabungan.

5.2.2.3. Kesan

Setelah dua puluh tahun Dasar Pandang Ke Timur ini dijalankan untuk merealisasikan objektifnya, proses pemindahan teknologi, proses perolehan kemahiran komunikasi dan kefasihan berbahasa Jepun perlu diperlengkapkan dan dipertingkatkan lagi demi untuk mencapai taraf negara maju yang bermodelkan negara Jepun.

Walau bagaimanapun terdapat pencapaian-pencapaian yang membanggakan yang telah diperolehi daripada proses pembelajaran dari negara Jepun setakat ini. Pencapaian-pencapaian tersebut; 1) membantu menyelesaikan masalah kekurangan pakar yang terlibat dalam bidang saintifik dan teknikal dan juga bidang perniagaan dan perdagangan dengan kembalinya 13,000 pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih ke Malaysia dari Jepun. 2) Dasar ini telah memperkenalkan sistem dan cara pengurusan ala Jepun ke dalam agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan serta sector swasta seperti Quality Control Circle, Total Quality Management, Leadership by Example, Excellent Service dan lain-lain. 3) Dasar ini juga telah memperkuatkan lagi perhubungan antara Malaysia dan Jepun. 4) Membantu kedua-dua negara (Malaysia & Jepun) dalam proses pembangunan sumber manusia, pertumbuhan ekonomi dan industri serta memperluaskan lagi keupayaan bidang

penyelidikan dan pembangunan. 5) Kajiselidik yang dijalankan oleh ALEPS (*Alumni of Look East Policy Society*) terhadap peratusan tingkat perjawatan oleh pelajar-pelajar dari Jepun yang bekerja di syarikat-syarikat Jepun menunjukkan 5% adalah tingkat jawatan pengurusan kanan (Senior Management Level), 30% tingkat jawatan pengurusan menengah (Middle Management Level) dan 65% di tingkat eksekutif. Walaubagaimana pun peratusan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan mereka yang bekerja di syarikat bukan Jepun. 6) Kajiselidik oleh Mitsubishi Research Institute (MRI) pada Mei tahun 2001 terhadap Program Pendidikan Teknikal menunjukkan, a) lebih daripada 60% penyelia-penyelia di Kolej atau pun institusi di Jepun berpuas hati tentang pencapaian pelajar-pelajar Dasar Pandang Ke Timur, b) pencapaian akademik pelajar-pelajar dasar ini masih boleh diperbaiki dan dapat berinteraksi dengan pelajar Jepun dengan baik. c) kebanyakannya daripada penyelia merasa bangga terhadap sumbangan pelajar-pelajar dasar ini dalam mempereratkan persahabatan dengan pelajar Jepun dan pelajar-pelajar negara jiran.

Tidak dapat dinafikan bahawa dasar ini telah merubah dengan hebatnya keadaan pertumbuhan sosioekonomi, pendidikan dan pertumbuhan di bidang-bidang lain. Kerajaan Malaysia sekarang ingin menjadikan setor swasta sebagai '*main engine of growth*' negara dan pihak kerajaan sebagai '*facilitator*' yang menentukan pemangkin pertumbuhan negara untuk menuju status negara maju pada tahun 2020.

5.3. Kesan Peningkatan Peradaban Jepun Terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

5.3.1. Sumbangan Kemanusiaan Dalam Bentuk Kewangan Kepada Negara yang Mengahadapi Bencana

Bencana alam yang besar akan mengakibatkan krisis kemanusiaan yang hebat di mana akan memusnahkan asas kehidupan dan meruntuhkan pembangunan yang telah dilaksanakan. Usaha untuk memulihkan kembali kemasuhan dan keruntuhan ini memerlukan pelaburan kewangan yang sangat besar dan masa yang panjang. Bertindak kepada keadaan ini negara Jepun telah meletakkan keutamaannya untuk menyalurkan bantuan kepada negara-negara yang mengahadapi bencana alam ini.

Jepun telah menyediakan 3 jenis bantuan kecemasan kepada negera-negara yang meminta bantuan atau pun pertubuhan antarabangsa (PBB) apabila mengahadapi bencana alam. Pertama, menghantar Pasukan Bantuan Kecemasan Jepun (*Japan Disaster Relief Team*), kedua, sumbangan kecemasan peralatan dan kelengkapan dan ketiga, memberi geran kecemasan.

Pada tahun 1998 sehingga 1999 terdapat beberapa negara mengalami bencana alam termasuk *tsunami* (ribut ombak) di Papua New Guinea, banjir besar di China dan Bangladesh, ribut *hurricanes* di Amerika Tengah dan Caribbean, gempa bumi di Columbia dan Turki. Dalam tempuh itu, Jepun telah menyalurkan 7 bantuan pasukan kecemasan, 30 *packages* bantuan peralatan dan kelengkapan yang bernilai 540 juta yen dan 22 *packages* geran kecemasan berjumlah 13.269 billion yen.

Di bawah ini adalah senarai sumbangan kecemasan negara Jepun kepada negara-negara yang mengalami bencana alam pada tahun 2003.

Jadual di bawah hanya menunjukkan jumlah sumbangan kewangan yang disalurkan oleh negara Jepun kepada negara-negara yang menagalami bencana alam. Ini tidak termasuk sumbangan-sumbangan berbentuk bantuan pasukan kecemasan dan bantuan kecemasan peralatan dan kelengkapan.

Jadual 8: Negara-Negara Yang dibantu Kerana Bencana Alam

Bil.	Tarikh Bencana	Negara Bencana	Jenis Bencana	Sumbangan Kewangan
1	21 Januari	Mexico	Gempa Bumi	12 juta yen
2	2~6 Januari	Rep. Malawi	Banjir	10 juta yen
3	Januari	Rep. Peru	Banjir	13 juta yen
4	24 Februari	China	Gempa Bumi	30 juta yen
5	April	Rep.Argentina	Banjir	16 juta yen
6	Mei	Rep.Kenya	Banjir	US 100,000
7	9 Mci	Madagascar	Saiklon (ribut)	16 juta yen
8	17~18 Mei	Sri Lanka	Banjir	19.8 juta yen
9	22 Mei	Algeria	Gempa Bumi	US 100,000
10	Akhir Julai	Sudan	Banjir	20.5juta yen
11	Akhir Julai	Pakisatan	Banjir	12 juta yen
12	11~13 Sept	Rep.Korea	Taufan	9.5 juta yen

(Sumber Internet: <http://www.mofa.go.jp/policy/disaster/index.html>)

Apabila sesuatu bencana berlaku di sesebuah tempat bantuan kecemasan dari segi penyelamatan sangat penting yang menjalankan aktiviti-aktiviti mencari mangsai, mengenal pasti tempat bencana, penyelamatan, pengangkutan, bantuan perubatan, pemeriksaan kesihatan dan mengawal penyebaran penyakit. Kemudian menyiasat tahap kemasuhan terhadap kehidupan dan mencari penyelesaian sementara serta menubuahkan

tempat-tempat perlindungan sementara. Setiap peringkat aktiviti di atas ini memerlukan kewangan yang besar dalam bentuk peralatan dan kelengkapan.

Negara Jepun sebagai kuasa ekonomi terbesar di dunia yang telah bangkit daripada kemusnahan Perperangan Dunia Kedua berjaya meningkatkan peradabannya, tidak lupa akan tanggungjawabnya untuk membantu negara-negara yang mengalami bencana dalam bentuk kewangan, kelengkapan, peralatan dan kepakaran.

5.3.2. Sumbangan Kewangan dan Kepakaran Kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*) telah menetapkan semua negara yang menganggotai pertubuhan ini dikehendaki memberikan sumbangan kewangan dan kepakaran untuk melaksanakan program-program dan misi-misinya.

Sumbangan kewangan yang perlu diberikan oleh sesebuah negara adalah mengikut skala penilian (*scale of assessments*) yang dikaji oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*UN General Assembly*) sekali setiap 3 tahun. Skala penilaian dari tahun 2001 hingga 2003 telah ditetapkan bagi semua negara pada Disember 2000. Skala penilaian sumbangan kewangan negara Jepun adalah sebanyak 19.629% bagi tahun 2001, 19.669% bagi tahun 2002 dan 19.516% bagi tahun 2003. Jumlah ini adalah jumlah kedua terbesar di belakang Amerika Syarikat.

(Sumber internet: http://www.infojapan.org/policy/q_a/faq4.html)

Skala penilaian untuk sumbangan kewangan ini ditentukan oleh kekuahan ekonomi sesebuah negara. Oleh kerana ekonomi negara Jepun telah berkembang pesat semenjak ia menganggotai PBB pada tahun 1956, skala penilaianya telah meningkat melebihi 20% pada tahun 2000. Tetapi kebelakangan ini ekonomi negara Jepun telah menunjukkan kemerosotan, maka negara Jepun telah meminta supaya skala penilaianya bagi tahun-tahun akan datang diturunkan. Negara Jepun juga mencadangkan agar negara-negara yang mempunyai situasi ekonomi yang baik dan berkembang perlu juga ditingkatkan skala penilaian sumbangan kewangan mereka.

PBB kini sebagai sebuah organisasi yang terbesar di dunia dipertanggongjawabkan untuk membantu semua negara anggota PBB yang menghadapi masalah. Namun semakin hari semakin banyak masalah dan isu-isu antarabangsa yang kompleks yang memerlukan bantuan PBB. Oleh itu negara Jepun berpendapat kedudukan kewangan PBB yang mantap akan dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan. Negara-negara anggota juga disaran untuk menyalurkan sumbangan mereka kepada PBB secara konsisten dan pada tempuh jangkamasa yang panjang. Ini akan menjamin kewangan PBB sentiasa baik untuk menghadapi tugas-tusagnya akan datang.

Jepun juga telah menyalurkan sumbangan kepakaran kepada PBB melalui JICA (*Japan International Cooperation Agency*) yang terletak di bawah pengawasan Kementerian Luar Jepun. JICA adalah sebuah agensi yang bertanggongjawab menjalankan kerjasama teknikal (technical assistance) dalam program ODA (*Official Development Assistance*) Jepun. Kerjasama teknikal yang dijalankan oleh JICA ini

bertujuan untuk memindahkan teknologi dan pengetahuan untuk mempertingkatkan lagi sosioekonomi negara-negara yang membangun. JICA telah menjalankan pelbagai program untuk membantu dalam pembangunan sesebuah negara yang membangun melalui kerjasama-kerjasama teknikal. Program-program tersebut adalah seperti:-

(Sumber internet: <http://www.jica.go.jp/english/activities/schemes/11.com.html>)

1. Latihan Teknikal Pelatih Luar (*Technical training of Overseas Participants*)

Program latihan teknikal yang diberikan oleh JICA khusus kepada pentadbir, juruteknik dan penyelidik negara membangun supaya dapat memindahkan pengetahuan dan teknologi yang diadakan di Jepun keopada negara membangun tersebut.

2. Program Remaja (*Youth Invitation Program*)

Program ini adalah untuk melatih pegawai muda negara membangun bersama pegawai Jepun dalam bidang pengkhususan yang sama. Program ini juga dapat mengeratkan persefahaman dan persahabatan di antara kedua-dua negara.

3. Penghantaran Pakar Kerjasama Teknikal (*Dispatch of Technical Cooperation experts*)

Bertujuan untuk memindahkan kemahiran dan memberikan cadangan untuk pembangunan sosioekonomi negara membangun dan bekerja dengan para pentadbir dan jurutera untuk mencapai matlamat tersebut.

4. Projek Kerjasama teknikal (*Project-Type Technical Cooperation*)

Menyediakan bantuan dalam latihan teknikal dan bantuan kepakaran yang perlu oleh negara membangun serta memindahkan kemahiran dan teknologi.

5. Pengajian Perkembangan (*Development Studies*)

Menyediakan bantuan dalam penyediaan pelan untuk projek-projek awam untuk pembangunan negara.

6. Bantuan Geran (*Grant Aid*)

Memberi pinjaman kewangan kepada negara membangun tanpa kewajipan untuk membayar semula pinjaman tersebut demi untuk memperkenalkan dan meningkatkan lagi kemudahan serta kelengkapan negara membangun.

7. Bantuan bencana (*Disaster Relief*)

Menghantar Pasukan Bantuan Bencana Jepun (*Japan Disaster Relief (JDR) teams*) untuk memberi bantuan kepada negara yang mengalami bencana alam.

8. Sokongan kepada penghijrah Jepun dan etnik Jepun (*Support for Japanese emigrant and ethnic Japanese*)

Memberikan bantuan kepada penghijrah dan ethnic Jepun yang berada di luar negara Jepun yang berjumlah seramai 205 juta orang.

9. Program Perlaksanaan Komuniti (*Community Empowerment Program*)

Menyalurkan bantuan terus ke peringkat ‘grassroot’ melalui pertubuhan bukan kerajaan untuk menjalankan sesuatu projek dengan bantuan JICA.

10. Sukarelawan Kerjasama seberang laut Jepun (*Japan Overseas Cooperation Volunteers*)

Membantu dan menggalakkan aktiviti-aktiviti di kalangan belia dalam kerjasama membangunkan keadaan sosioekonomi negara membangun.

11. Kerjasama Pembangunan (*Development Cooperation*)

Menyediakan bantuan kewangan dan teknikal kepada kerajaan negara membangun dalam melaksanakan projek yang dijalankan oleh syarikat swasta Jepun.

12. Program Persahabatan JICA (*JICA Partnership Program*)

Program kerjasama untuk membangunkan sosioekonomi negara membangun dengan peringkat ‘grassroot’ dengan kerjasama daripada pihak pertubuhan bukan kerajaan,, universiti-universiti, kerajaan tempatan dan pihak-pihak yang berminat di negara Jepun.

Sukarelawan kerjasama seberang laut (JOCV) ini telah menyahut seruan PBB untuk menghantar lebih ramai pakar-pakar JOCV yang berpengalama sebagai sukarelawan PBB Pada akhir tahun 2000, terdapat 40 orang sukarelawan PBB yang masih

aktif daripada negara Jepun. Jumlah sukarelawan ini adalah seramai 167 orang hingga kini.

Program JOCV ini adalah untuk membantu dan menggalakkan aktiviti-aktiviti di negara tertentu yang ingin bekerjasama dalam pertumbuhan ekonomi dan sosial negara membangun. Biasanya sukarelawan ini akan tinggal dan bekerja di negara ‘pilihan’ selama 2 tahun. Terdapat 7 bidang yang dipelopori oleh JOCV iaitu Pertanian, Perhutanan dan perikanan, Pemperosesan, Penyelenggaraan, Kejuruteraan awam, Kesihatan Masyarakat, pendidikan dan budaya dan sukan. Terdapat seramai 160 orang sukarelawan yang terlibat dalam semua program ini.

Sukarelawan-sukarelawan ini dipilih dua kali setahun melalui beberapa saringan. Saringan terhadap kelayakan akademik daripada sekolah rendah dan menengah, mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris, mempunyai kemahiran teknikal, lulus ujian kecenderungan (aptitude test), mempunyai rekod kesihatan yang bersih dan lulus juga temuduga-temuduga berkenaan dengan kemahiran teknikal dan personality serta lulus pemeriksaan kesihatan (medical Checkup).

Pada akhir bulan Mac tahun 2000, 2,495 orang sukarelawan (termasuk yang baru dihantar dan sukarelawan yang masih bertugas) sedang bertugas di dalam 169 bidang yang berbeza. Ini menjadikan jumlah sukarelawan sebanyak 20,141 semenjak program ini dilancarkan pada tahun 1965. Sukarelawan wanita telah meningkat, iaitu pada bulan Mac tahun 2000, 50% daripada sukarelawan JOCV yang aktif adalah wanita. Nisbah

wanita dalam jumlah keseluruhannya sukarelawan JOCV semenjak penubuhan program ini telah meningkat sebanyak 34%.

Negara Jepun telah dapat menyalurkan sumbangan kewangan dan kepakaran kerana negara Jepun telahpun menjadi sebuah negara yang maju. Oleh kerana itu sumbangan-sumbangan yang diberikan ini adalah hasil atau kesan peradaban yang dikecapi oleh negara Jepun melalui refomasi-reformasi bahasa yang dilaksanakan dengan jayanya.